



Garis Panduan Media Sosial Pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
1. PENDAHULUAN	4
2. SKOP GARIS PANDUAN MEDIA SOSIAL	4
3. PEMAKAIAN	5
4. TAFSIRAN	6
5. ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL	7
6. PELAPORAN PELANGGARAN	27
7. PEMATUHAN	
8. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN ARAHAN SEMASA	27

1. PENDAHULUAN

1.1 Media sosial kini menjadi rangkaian komunikasi yang digunakan secara meluas meliputi segenap lapisan masyarakat. Pihak Kerajaan juga menggalakkan penggunaan media sosial untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Sejajar dengan itu, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak mengiktiraf penggunaan media sosial sebagai alat yang menyokong matlamat operasi Jabatan. Namun begitu, penggunaan ini perlu dikawal dan ditetapkan had-had yang perlu difahami dan diamalkan oleh setiap Pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak.

2. SKOP GARIS PANDUAN MEDIA SOSIAL

2.1 Garis Panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Media Sosial Bagi Pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak (selepas ini disebut sebagai Garis Panduan ini).

2.2 Garis Panduan ini merupakan panduan tambahan kepada Pegawai yang berkhidmat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak dan Pegawai dari skim perkhidmatan Pegawai Syariah (LS) yang bertugas di Jabatan Agensi lain yang berkaitan bagi menerangkan dan memperincikan maksud tatakelakuan yang dilarang dalam subperaturan 19 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] berkenaan dengan pernyataan awam yang disiarkan melalui media sosial seperti yang berikut:

"Membuat pernyataan awam

19. (1) Seseorang pegawai tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain —

(a) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudarangkan apa-apa dasar, rancangan atau

keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;

- (b) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan;
 - (c) membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
 - (d) mengedarkan apa-apa pernyataan atau alasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana org lain.”.
- 2.3 Garis Panduan ini bukan bertujuan untuk mengekang penyebaran maklumat mengenai Jabatan mahupun mengenai Pegawai tetapi untuk mengelakkan penyalahgunaan media sosial oleh Pegawai.
- 2.4 Walau bagaimanapun, menurut kuasa di bawah [P.U.(A) 395/1993], Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak mempunyai hak untuk menetapkan sama ada kandungan pernyataan, komen, kongsi, ulasan, respon, rakaman, gambar dan sebagainya yang disiarkan dalam media sosial boleh memalukan atau memburukkan nama perkhidmatan awam secara amnya atau Jabatan secara khususnya.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Garis Panduan ini terpakai bagi semua pegawai dan kakitangan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak tanpa mengira skim perkhidmatan.

4. TAFSIRAN

- 4.1 Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

"media sosial" termasuklah media yang digunakan dalam talian bagi membolehkan penyebaran dan perkongsian maklumat serta interaksi antara pengguna dilakukan dengan pantas misalannya melalui *Facebook, X, YouTube, Instagram, Blog, Google, TikTok, Whats App, Threads* dan mana-mana aplikasi media sosial semasa; dan

"Pegawai" ertinya semua pegawai dan kakitangan yang ditempatkan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak sama ada lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan.

5. ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

- 5.1 Dalam hal ini, Pegawai hendaklah menggunakan media sosial secara berintegriti dan terkawal supaya imej Jabatan dan Kerajaan terpelihara.
- 5.2 Pegawai bertanggungjawab terhadap setiap isi kandungan yang mereka siarkan di media sosial dan seharusnya sedar bahawa apa yang mereka katakan atau lakukan di media sosial tersedia secara umum (kekal dalam alam maya), boleh dicari, diakses selama-lamanya, dan selanjutnya boleh dikaitkan dengan Jabatan.
- 5.3 Pegawai boleh—
- (a) memanfaatkan penggunaan media sosial jika dengan cara sedemikian dapat mempromosikan dasar dan usaha Kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam;

- (b) mengwar-warkan inisiatif Jabatan untuk menambah baik akses orang awam kepada sistem keadilan, contohnya perkongsian mengenai penubuhan Jabatan, penubuhan dan fungsi Bahagian/ Seksyen/ Unit, dan sebagainya; dan
 - (c) berkongsi ilmu pengetahuan dan maklumat yang dapat meningkatkan kecekapan pegawai dan kakitangan dalam pelaksanaan tugas. Contohnya perkongsian peruntukan undang-undang terkini, arahan amalan/ pekeliling mengenai tatacara mahkamah, arahan/ pekeliling perkhidmatan awam dan apa-apa artikel ilmiah.
- 5.4 Perkongsian di media sosial hendaklah dibuat secara profesional, mengambil kira kesahihan maklumat dan menitikberatkan soal keselamatan maklumat terperingkat.
- 5.5 Pegawai dilarang—
- (a) Membuat apa-apa hantaran, kongsi, komen dan respon kepada sesuatu perkara yang boleh menjaskan imej Kerajaan amnya dan Jabatan khususnya;
 - (b) membuat pernyataan yang merendahkan atau bercanggah dengan dasar Kerajaan dan Jabatan;
 - (c) mendedahkan maklumat terperingkat;
 - (d) membangkitkan isu sensitif yang menyentuh soal agama, politik, perkauman dan sebagainya;
 - (e) membuat pernyataan berunsur lucah;

- (f) membuat pernyataan berunsur fitnah dan hasutan;
 - (g) membuat pernyataan dengan tujuan mengaibkan individu atau kumpulan tertentu; dan
 - (h) menggunakan media sosial sehingga mengganggu masa bekerja.
- 5.6 Misalan dan ilustrasi pelanggaran etika media sosial akan dibuat dalam bentuk infografik dan dihebahkan secara berkala dari semasa ke semasa.

6. PELAPORAN PELANGGARAN

- 6.1 Pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak hendaklah melaporkan dengan segera apa-apa pelanggaran terhadap Garis Panduan ini kepada Ketua Jabatan / Unit Integriti.

7. KESAN KETIDAKPATUHAN

- 7.1 Garis Panduan Media Sosial yang dikeluarkan ini hendaklah berkuat kuasa dan dianggap sah sehingga dipinda atau diganti dengan satu Garis Panduan lain atau dibatalkan; dan
- 7.2 Keengganan dan kegagalan mematuhi Garis Panduan Media Sosial ini tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan seseorang Pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan undang-undang/ peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.

8. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN ARAHAN SEMASA

- 8.1 Peruntukan undang-undang dan arahan semasa terpakai termasuklah

yang berikut:

- (a) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- (b) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588];
- (c) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709];
- (d) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993];
- (e) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.1 Tahun 2003 bertajuk, '*Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di agensi-agensi Kerajaan.*';
- (f) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertajuk '*Langkah-langkah Mengenai Penggunaan Mel Elektronik di Agensi-Agenzi Kerajaan*' bertarikh 23 November 2007;
- (g) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertajuk '*Amalan Terbaik Penggunaan Media Jaringan Sosial di Sektor Awam*' bertarikh 8 April 2011;
- (h) Surat Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bertajuk '*Tanggungjawab Pegawai Awam dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial di Internet*' bertarikh 7 Jun 2013;
- (i) Artikel '*Penerapan Etika Penggunaan Media Sosial dalam Sektor Awam*' terbitan MAMPU; dan
- (j) Arahan-Arahan Amalan
- (k) Arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan dan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Arahan oleh

YAA Ketua Hakim Syarie Negeri Perak

